

Unsur-Unsur Ilmu *Badi'* Arab dalam Syair Hamzah Fansuri

AB. HALIM MOHAMAD

ABSTRAK

Ilmu badi' adalah sebahagian daripada ilmu retorik Arab yang membincangkan penggunaan kata dan frasa yang berbunga dalam sesuatu ungkapan termasuk prosa, syair, al-quran dan teks lain. Ilmu *badi'* Arab merangkumi lebih 30 tajuk yang dibincangkan dalam buku-buku retorik Arab. Dalam artikel yang ringkas ini, penulis akan membincangkan beberapa unsur ilmu *badi'* Arab yang agak relevan dan boleh diaplikasikan dengan mudah ke atas puisi Hamzah Fansuri. Unsur-unsur ilmu *badi'* yang dibincangkan dalam artikel ini ialah ***iqtibas, tibatq, jinas, tawriyah, saj', dan muwazanah***. Artikel ini mendedahkan kepada pembaca wujudnya penggunaan unsur ilmu *badi'* dalam puisi Hamzah Fansuri. Hasil kajian membuktikan bahawa syair Hamzah Fansuri (q.s) banyak dipengaruhi oleh unsur retorik Arab, selain daripada bahasa dan pemikiran Arab dan Islam.

Kata kunci: unsur *badi'*, syair, Hamzah Fansuri, ***iqtibas, tibatq, jinas, tawriyah, saj', muwazanah***

ABSTRACT

Al-Badi' is a branch of Arabic rhetoric dealing with figures of speech and the art of beautiful style in prose, poetry, Quran and other texts. *Al-Badi'* contains more than 30 topics that can be found in the rhetoric books. In this article, the researcher would like to discuss some aspects of *al-badi'* which are quite more relevant and can be applied easily on the poems of Hamzah Fansuri. These aspects are ***iqtibas, tibatq, jinas, tawriyah, saj', and muwazanah***. This article exposes readers on how much aspects of *al-badi'* had been applied in poems of Hamzah Fansuri. The result of the research shows that the poems of Hamzah Fansuri were influenced by the many aspects of Arabic rhetoric beside the language and philosophies of Islam and Arab muslim.

Key words: *al-badi'*, poems, Hamzah Fansuri, ***iqtibas, tibatq, jinas, tawriyah, saj', muwazanah***

PENGENALAN

Hamzah Fansuri (q.s) merupakan penyair yang tersohor di Alam Melayu abad ke-16 yang menjadi buah mulut kalangan sarjana di Nusantara. Beliau merupakan intelektual dan ahli sufi yang terkemuka dan dianggap perintis dalam pelbagai bidang keilmuan. Hamzah berjaya merintis tradisi baru dalam penulisan sastera Melayu-Indonesia, khususnya dalam bidang penulisan sastera yang bercorak Islam di abad ke 16 dan ke 17 (Abdul Hadi 2001: 117). Beliau merupakan Bapa Sastera Melayu dan orang yang pertama menulis dalam bahasa Melayu tentang banyak aspek tasawuf (Muhammad Bukhari Lubis 1994: 123). Sehingga kini belum lagi ditemui syair yang mendahului syair Hamzah Fansuri (q.s) dan Hamzah dianggap pelopor bentuk tersebut (Voorhoeve 1968: 278). Menurut Syed Naguib al-Attas, syair Hamzah Fansuri (q.s) terawal yang masih wujud dianggap berasal dari seorang ahli mistik Sumatra abad ke-16 (Siti Hawa Saleh 1987: 123). Hamzah Fansuri (q.s) juga disifatkan sebagai seorang muslim yang sangat bertakwa yang disanjungnya ialah khalik yang mencipta alam semesta dan menentukan takdir-Nya (Syed Muhammad Naquib al-Attas 1970: 322). Dia ialah seorang ahli tasawuf, zahid dan mistik yang mencari penyatuan dengan khalik dan menemuinya di jalan *isyk* (cinta) (Braginsky 1994: 15)

Karya-karya Hamzah Fansuri (q.s) meninggalkan pengaruh yang mendalam dalam penulisan syair. Syairnya menjadi sumber inspirasi kepada para penulis angkatan yang muncul selepasnya. Pengkajian terhadap syairnya telah banyak dilakukan oleh para sarjana Barat dan tempatan seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Ali Hasyimi, Briginsky, Teeuw, Voorhoeve, Teuku Iskandar, Siti Hawa Saleh, Chiew Hock Tong, Muhammad Bukhari Lubis, dan Abdul Hadi. Walaupun begitu, masih banyak ruang untuk diteliti dan dikaji serta dibuat perbandingan. Semakin dikaji semakin banyak persoalan dan kritikan yang timbul dan memerlukan jawapan yang berasaskan kajian, penelitian dan kesabaran.

Antara persoalan yang diajukan dan ingin dijawab oleh penulis kali ini ialah, sejauh manakah pengaruh ilmu retorik Arab terhadap syair-syair Hamzah? Apakah benar Hamzah Fansuri (q.s) boleh dianggap sebagai polopor syair Melayu-Indonesia? Apakah benar syair-syair Hamzah yang berada di tangan kita sekarang ciptaan dan hasil kreativiti Hamzah? Kajian ini cuba memberi jawapan kepada beberapa persoalan tersebut dan membincang serta menganalisis beberapa teks syair Hamzah mengikut teori ilmu retorik Arab, tetapi terhad kepada ilmu *badi'* sahaja. Semoga tulisan ini dapat memperlihatkan kepada pembaca aspek-aspek

ilmu *badi'* dalam syair Hamzah Fansuri (q.s) sebelum membuat penghukuman sejauh mana hasil karyanya banyak dipengaruhi oleh sastra Arab. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka ruang lain untuk pengkajian yang mengkaji tentang keaslian syair Hamzah Fansuri (q.s) dan kesan syair sufi Arab Islam ke atas pemikiran dan hala tuju syair sufi Hamzah Fansuri.

PERKATAAN SYAIR DAN PENGGUNAANNYA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Perkataan *syair* berasal daripada perkataan Arab. Dalam kamus *Mu'jam al-Wasit*, *syi'r* bermaksud ungkapan yang bermeter dan berima, manakala *sya'ir* pula bermaksud penyair (Ibrahim Anis et al. 1987: 484). Dalam al-Qur'an ada disebut perkataan *syi'r* dan *sya'ir*, seperti {وما علمناه الشعر وما ينبغي له...} “Kami tidak mengajar syair kepadanya dan tidaklah patut baginya...” (surah Yasin: 69), dan firman Allah (SWT) lagi {ويقولون أننا لتاركوا آلهتنا لشاعر مجنون..} “dan mereka berkata: adakah patut kami meninggalkan tuhan kami untuk (mengikuti) penyair gila (Muhammad)” (Surah al-Safat: 38). Perubahan sebutan perkataan *syi'r* kepada “syair” adalah perubahan biasa yang berlaku pada mana-mana perkataan pinjaman Arab yang cuba disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu. Perubahan ini berlaku mungkin disebabkan ketiadaan konsonen Ú dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan sebutan *madah* yang berasal daripada perkataan Arab *madh* (pujian), dua konsonen *dh* disebut *dah* disesuaikan dengan bentuk sebutan Melayu. Begitu juga dengan perkataan *fiqh* disebut *fiqah*, *aql* disebut *akal* dan lain-lain lagi.

Jika merujuk kepada sejarah perkembangan syair Arab, didapati bahawa seni ini sudah berkurun-kurun wujud sebelum kedatangan Islam. Masyarakat Arab Jahiliyah telah berlumba-lumba mengarang syair dan mengucapkannya di pasar *Akkaz* berhampiran Makah serta menggantung syair terpilih dipintu Kaabah. Selepas kedatangan Islam, seni ini berkembang pesat dan mencapai tahap kegemilangannya di zaman kerajaan Umaiyyah. Selepas pembukaan bandar Basrah pada tahun 15H bersamaan 636M pada zaman khalifah Umar al-Khatib (r.a) ('Abdul Hamid Sayyid Tilib 1976: 49) didapati seni syair ini berkembang dengan pesatnya sehingga terwujud pasar *Mirbad* di Basrah. Pasar *Mirbad* ini merupakan gelanggang bagi penyair untuk mempertanding dan mendeklamasi syair-syair mereka. Basrah juga merupakan pusat ilmu dan perniagaan yang ulung dan terkemuka di Asia pada ketika itu, di

mana ramai peniaga dan penuntut ilmu dari barat dan Asia seperti Cina, India dan negara Asia yang lain berkunjung ke sana untuk menuntut ilmu dan berniaga.

Ringkasnya, penyebaran seni syair ini berlaku serentak dengan penyebaran agama Islam. Berdasarkan pandangan Syed Muhammad Naguib al-Attas (1969:11) yang menyatakan bahawa Islam sampai ke kepulauan Melayu sejak kurun ke tujuh Masihi dan wujudnya masyarakat Arab di Sumatra Timur pada tahun 55H bersamaan 673M lebih menyakinkan penulis bahawa penggunaan istilah syair dan syair Arab telah lama berada dalam masyarakat Melayu Islam sejak mereka mengenali al-Qur'an. Ini semua bererti bahawa istilah syair berasal daripada Arab dan telah dibawa masuk ke alam Melayu oleh pendakwah Islam. Istilah ini juga telah tersebar di kalangan masyarakat Melayu Islam seperti juga istilah-istilah iman, akidah, falsafah, dan ilmu sejak beberapa kurun sebelum kelahiran penyair agung sufi Hamzah Fansuri.

BEBERAPA PANDANGAN TENTANG ASAL-USUL SYAIR MELAYU (HAMZAH FANSURI (Q.S))

Sarjana tempatan dan barat berselisih pendapat tentang asal usul syair Melayu. Persoalan yang timbul ialah adakah ia ciptaan Hamzah Fansuri (q.s) atau ia berasal dari syair Arab? Untuk menjawab persoalan ini penulis mengemukakan di sini beberapa pandangan para sarjana yang telah membuat kajian terhadap syair Hamzah Fansuri (q.s). Syed Muhammad Naguib berpendapat bahawa syair telah dicipta oleh Hamzah Fansuri (q.s) selepas kedatangan Islam (Syed Muhammad Naguib al-Attas 1969:178). Syed Muhammad Naguib juga menyatakan bahawa "Syair-syair Hamzah Fansuri (q.s) itu adalah karya Hamzah sendiri, kerana karya-karya itu memperlihatkan keseragaman dalam pola-pola fikiran atau makna (semantik) yang biasa kepada Hamzah Fansuri" (Chew Hock Tong 1987: 39; Liaw Yock Fang 1978:293).

Christian Hooykaas (1952: 70-71) juga sependapat dengan Syed Muhammad Naguib tentang hal ini yang menyatakan bahawa nama syair membawa bau bahasa Arab tetapi bentuknya tetap merupakan ciptaan Melayu. Chew Hock Tong menyatakan bahawa "Syair Melayu yang dimaksudkan ialah bentuk puisi yang berbaris empat berturut-turut dan setiap rangkap berbunyi a-a-a-a di hujung baris. Sepanjang apa yang kita ketahui, bentuk puisi ini adalah mula-mula sekali dicipta oleh Hamzah Fansuri" (Chew Hock Tong 1987: 35).

Winstedt berpendapat bahawa "*Hamzah of Barus in Sumatra is the earliest and the greatest of Aceh's group of writers on heretical mysticism. His poetry will be considered elsewhere but a religious writer who could adapt the metre of the sha'ir and the figures and phrases of pantun to the expression of the erotic mysticism of the Persian poets is a unique figure and struck a new note in Malay literature*" (Winstedt 1969: 141). Manakala A. Teeuw dalam artikelnya "*The Malay shair, problem of origin and tradition*" pula mempersoalkan asal-usul syair Melayu dan Hamzah Fansuri (q.s) sebagai pencipta dan pengasas syair-syair Melayu yang sebenar (Chiew Hock Tong 1987: 35).

Harun Mat Piah berpendapat bahawa "syair Melayu dicipta dan dimulakan penyebarannya oleh Hamzah Fansuri (q.s) dan beracukan puisi Arab-Parsi" (Harun Mat Piah 1989: 210). Tambahnya lagi "syair Melayu walaupun ada kaitannya dengan puisi Arab, tetapi tidak berasal daripada syair Arab, atau sebagai penyesuaian daripada mana-mana genre puisi Arab atau Parsi. Dengan kata lain syair adalah ciptaan asli masyarakat Melayu" (Harun Mat Piah 1989: 209-210). Syair Melayu tidak menampakkan apa-apa hubungan dengan puisi Arab terutamanya dari segi bentuk, meter, timbangan rima, pola irama dan lain-lain yang merupakan ciri-ciri terpenting dalam puisi Arab-Parsi (Harun Mat Piah 1989: 224). Braginsky (1994: 15). pula berpendapat bahawa Hamzah Fansurilah yang memulakan puisi Melayu klasik yang bertulis sebagai sesuatu yang nyata dan mempunyai wajahnya sendiri. Ini tidak bermakna rakyat Melayu tidak pernah menghasilkan puisi, tetapi kerana karangan sebelum Hamzah Fansuri (q.s) masih belum boleh dianggap sebagai karya-karya Melayu yang sejati.

Walau apapun pandangan di atas, penulis masih merasakan bahawa pengaruh syair Arab ke atas syair Hamzah Fansuri (q.s) sangat jelas dan mendalam, sama ada dari segi unsur-unsur retorik, unsur ilmu meter (*'ilm arud*), struktur pembentukan syair, dan struktur ayat. Hubungan Islam dengan syair yang jelas seperti yang telah dibincangkan di atas, serta kaitan rapat antara ulama seperti Imam Syafie dan ulama-ulama sufi lain serta sejarah kedatangan Islam ke Sumatra pada kurun pertama Hijrah menyebabkan penulis kurang yakin bahawa Hamzah Fansuri (q.s) boleh dianggap sebagai pelopor dan pencipta syair Melayu. Kesangsian ini selain daripada berasaskan kepada asal usul syair seperti dibincangkan di atas, ia juga berasaskan fakta lain seperti kenyataan Syed Naguib yang menyatakan bahawa pada tahun 55H bersamaan 674M telah pun wujud masyarakat Arab yang pertama di Sumatra Timur (Syed Muhammad

Naquib al-Attas 1969: 11). Sejarah Sumatra dan Melaka yang dikatakan menjadi pusat penyebaran Islam pada kurun ke 11, 12, 13 dan 14 juga mendorong penulis merasa sangsi terhadap kenyataan beberapa pandangan di atas. Hal ini ditambah pula dengan jarak yang begitu jauh antara sejarah kedatangan Islam kurun ke tujuh Masehi dengan kelahiran penyair Hamzah Fansuri (q.s) pada akhir kurun kelima belas Masehi, iaitu lebih kurang lapan kurun. Tempoh yang panjang ini sudah tentu banyak melahirkan ulama, penyair, dan ahli sufi yang terkenal setiap 100 tahun yang berlalu. Tetapi sayangnya karya-karya dan mungkin buku-buku karangan mereka hilang dan tidak wujud untuk dijadikan bukti bahawa Hamzah Fansuri (q.s) terpengaruh dengan karangan dan idea mereka.

Pandangan-pandangan para sarjana di atas dan sejarah perkembangan Islam serta kaitan bahasa Arab dengan syair dan sosiobudaya Arab menyebabkan penulis merasa berminat untuk mengkaji syair-syair Hamzah Fansuri (q.s). Pandangan tersebut di atas merupakan andaian dan satu cabaran kepada mana-mana pengkaji untuk mendalami dan meneliti unsur-unsur yang wujud dalam karya Hamzah Fansuri. Dalam kajian yang terhad ini penulis ingin mendedahkan beberapa unsur retorik Arab yang diterapkan oleh Hamzah Fansuri (q.s) dalam karyanya. Semoga dengan pendekatan kajian ini diharap pembaca dapat menilai sejauh mana pengaruh syair Arab ke atas syair Hamzah Fansuri, dan membuat perbandingan terhadap pandangan-pandangan di atas serta mengambil pendirian.

ILMU AL-BADI' DALAM SYAIR HAMZAH FANSURI (Q.S)

Ilmu retorik Arab terbahagi kepada tiga bahagian penting, iaitu *ilmu al-bayan*, *ilmu al-ma'ani*, dan *ilmu al-badi'*. *Ilmu al-bayan* membincangkan tajuk-tajuk seperti bahasa kiasan, perumpamaan, dan simpulan bahasa. *Ilmu al-ma'ani* pula memberi perhatian dari segi kesesuaian ucapan dengan keadaan pendengar dan tujuan sesuatu ucapan yang lahir daripada penutur sama ada untuk tujuan doa, meminta sesuatu, penafian, pertanyaan, harapan, dan lain-lain. Manakala *ilmu al-badi'* pula membincangkan penggunaan kata dan frasa yang berbunga dalam sesuatu ucapan. Ilmu *badi'* merangkumi lebih 26 tajuk (Raji, al-Asmar 1998: 153-242) atau 28 tajuk ('Abdul 'Aziz, 'Atiq t.t.: 76-231).

Syair Hamzah Fansuri (q.s) banyak dipengaruhi oleh bahasa dan istilah Arab. Unsur pembentukan syair Arab juga dapat dilihat dengan jelas seperti sistem metar (*wazn*), dan rima (*qafiyah*). Selain daripada

itu, unsur-unsur retorik (*balaghah*) yang dianggap sebagai nilai estetika yang paling istimewa yang wujud dalam syair Arab juga dapat dilihat dalam syair beliau. Seperti yang telah diperkatakan di atas bahawa tajuk ilmu *badi'* Arab banyak, tetapi dalam artikel ini, penulis cuba membincangkan dan menerapkan beberapa unsur ilmu *badi'* Arab dalam puisi Hamzah Fansuri (q.s) yang dianggap paling relevan sahaja seperti, *iqtibas* (petikan daripada al-Qur'an atau Hadith tanpa sebarang isyarat kepadanya), *tibaq* (perkataan berlawanan), *jinas* (persamaan dua perkataan tetapi berlainan maksud), *tawriyah* (perkataan yang mempunyai makna zahir dan tersirat), *saj'* (sajak), dan *muwazanah*. Penerapan unsur-unsur ilmu *badi'* itu dapat dilihat dengan jelas dalam contoh-contoh seperti berikut:

Unsur *Iqtibas*

Iqtibas (petikan) ialah memasukkan ayat-ayat al-Qur'an atau Hadith Nabi (S.A.W.) dalam bait syair atau prosa tanpa menyebut ianya dipetik daripada al-Qur'an atau Hadith (Ali, al-Jarim & Mustafa Amin 1979: 269). Syair Hamzah Fansuri (q.s) sarat dengan unsur *iqtibas* ini, berikut adalah beberapa contoh *iqtibas* daripada ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi (SAW):

- a) *Iqtibas* (petikan) daripada al-Qur'an.
Contohnya:

Contoh (1) (Abdul Hadi 2001: 366):

Ketahuilah *ma'na thalathah 'illa huwa rabu'uhum*

Wa-la khamsah illa huwa sadisuhum

Wa-la adna min dhalika wa-la akthara ' illa Huwa ma'ahum

Inilah *ma'na huwa ma'akum 'aynama kuntum*

Bait-bait di atas dipetik daripada ayat al-Qur'an, iaitu daripada surah al-Mujadalah ayat ke-7, yang berbunyi {ثلاثة إلا هو رابعهم ولا خمسة إلا هو سادسهم ولا أدنى من ذلك ولا أكثر إلا هو معهم أين ما كانوا}, maksudnya "...tiga melainkan Dialah yang keempat, dan tidak lima melainkan Dialah yang keenam, dan tiada yang kurang daripada bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Dia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada....,,

Contoh (2) (Abdul Hadi 2001: 258-259):
Firman Allah kepada Nabi *'alayh al-salat*
Ya 'ayyuha al-rasulu kul min al-tayyibat
Wa 'malu salihan pada sekalian *'awqat*
Supaya kau peroleh *najat*

Bait di atas dipetik daripada surah al-Mu'minun, ayat ke-51, iaitu: {يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلْ مِنْ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا.....}, maksudnya “Wahai Rasul (S.A.W.) makanlah makanan yang baik dan lakukanlah kebaikan...”.

Contoh (3) (Abdul Hadi 2001: 372):
Maraja al-bahrayn yaltaqiyān
Bayna-huma barzakhun la yabghhiyan
Ma'rifat itulah dalamnya *'iyan*
Pada sekalian *'arif* yang beroleh iman

Bait di atas di ambil daripada surah al-Rahman, ayat 19-20, iaitu: {مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ. بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يُلْتَقِيَانِ}, maksudnya “Dia biarkan dua air laut (masin dan tawar) bertemu. Di antara keduanya ada pemisah yang menjadikan kedua-duanya tidak melampaui sempadan”.

b) *Iqtibas* (petikan) daripada Hadith Nabi (S.A.W.).

Contoh (1) (Abdul Hadi 2001: 265)
Al-Sakhi habib Allah wa-law kana fasiqan
Al-Bakhil aduww Allah wa-law kana zahidan
Barang siapa *sakhi* kariman *kamilin*
Ialah sampai kepada amalan *salihin*

Bait di atas dipetik daripada Hadith Nabi (S.A.W.) yang berbunyi: (السخي حبيب الله ولو كان فاسقا، البخيل عدو الله ولو كان زاهدا) الحدیث “Orang yang pemurah itu adalah kekasih Allah walaupun ia seorang yang fasiq, dan orang yang kedekut itu adalah seteru Allah walaupun ia seorang yang zuhud”.

Contoh (2) (Abdul Hadi 2001: 373)
Sabda rasul Allah di dalam kitab
Al-dunya jifatun wa-talibuha kilab
Jikalau halal sekali pun *hisab*
Niscaya yang haram ini *jazanya 'iqab*

Bait di atas dipetik daripada Hadith Nabi (S.A.W.) yang berbunyi: (الدنيا جيفة، وطالها كلاب) الحديث، maksudnya “Dunia itu adalah bangkai mayat, dan penuntutnya ialah anjing”

Contoh (3) (Abdul Hadi 2001: 364)
Hadith *masyhur* terlalu *bayyinah*
Mengatakan *dunya* kesudahan *sayyi'ah*
Hubb al-dunya ra's khati'ah
Tark al-dunya ra's kull al-'ibadah

Bait di atas dipetik daripada Hadith Nabi (S.A.W.) yang berbunyi: (حب الدنيا رأس الخاطئة، ترك الدنيا رأس كل العبادة)، maksudnya “Cintakan dunia punca kesalahan, tinggalkan dunia punca segala ibadah”.

Contoh (4) (Abdul Hadi 2001: 371)
Ketahui *Inna Allah arsala 'abdahu*
Menyuruh berkata pada sekalian ummatahu
'Al-ta'ibu min al-zanbih ka-man la zanba lahu
Inilah perbuatan yang dikasih Rabbahu

Bait di atas dipetik daripada Hadith Nabi (S.A.W.) yang berbunyi: (التائب من ذنبه كمن لا ذنب له)، maksudnya “Orang yang bertaubat dari dosanya seperti orang yang tiada dosa (suci daripada dosa)”

Unsur *Tibaq* dalam Syair Hamzah Fansuri (q.s)

Tibaq ialah menghadirkan dua perkataan yang berlawanan dalam sesebuah ayat (Ali al-Jarim dan Mustafa Amin 1979: 281). Unsur ini sarat dalam syair Hamzah Fansuri, contohnya:

Contoh (1), (Abdul Hadi 2001: 397)
Laut itu bukannya cahaya
Menjadi fakir *miskin* dan *kaya*
Tempanya dengan Mulia raya
Di sini *makhfi* tuhan dan saya

Contoh (2), (Abdul Hadi 2001: 370)
Aho segala kamu yang menjadi *faqir*
Jangan bersubhat dengan raja dan *'amir*
Karena rasul Allah *basyir* dan nazir
Melarang kita *saghir* dan *kabir*

Contoh (3), (Abdul Hadi 2001: 370)

Akan *fasiq* itu azabnya *syadid*
Dihancurkan *da'im* dijadikan *jadid*
Pada sekalian *muttaqi* jalannya *ba'id*
Tiada ia dapat menjadi 'Abd al-Hamid

Hamzah menggunakan *tibaq* dalam contoh (1) di atas seperti, *miskin* lawannya *kaya*. Dalam contoh (2) antara *bashir* dengan *nadzir* dan *saghir* dengan *kabir*. Dalam contoh (3) antara *da'im* dengan *jadid*. Banyak lagi penggunaan *tibaq* dalam syair Hamzah Fansuri (q.s) seperti, *qa'im* lawannya *na'im*, *halal* lawannya *haram*, *ithbat* lawannya *nafi* dan lain-lain lagi. Ini juga menggambarkan kepada kita pengaruh syair Arab ke atas syair Hamzah Fansuri.

Unsur *Jinas* dalam Syair Hamzah Fansuri (q.s)

Jinas ialah dua perkataan yang sama tetapi memberi maksud yang berbeza. *Jinas* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *jinas tam* dan *jinas naqis*. *Jinas tam* ialah dua perkataan yang sama pada 4 perkara yang memberi maksud yang berlainan, iaitu dari segi jenis, bentuk, bilangan dan susunan huruf, tetapi memberi maksud yang berbeza. Manakala *jinas naqis* ialah terdapat sedikit perbezaan pada dua perkataan, sama ada pada susunan, huruf atau bilangan (Ali, al-Jarim & Mustafa Amin 1979: 265). Sebagai contoh *jinas tam* ialah: { ويوم تقوم الساعة يقسم المجرمون } ما لبثوا غير ساعة. *Sa'ah* yang pertama bermaksud hari kiamat dan *sa'ah* yang kedua bermaksud masa. Dalam syair Hamzah Fansuri (q.s) sarat dengan bentuk *jinas naqis*. Contohnya:

Contoh (1), (Abdul Hadi 2001: 376):

Kitab Allah dipersandangnya
Ghayb Allah akan tandangnya
'*Alam lahut* akan kandangnya
Pada *da'irah Hu* tempat pandangya

Contoh (2), (Abdul Hadi 2001: 377):

Siang hari hendak kau *sa'im*
Malamnya yoga kau *qa'im*
Kurangkan makan lagi dan *na'im*
Nafi dan *ithbat* kerja kan *da'im*

Contoh (3), (Abdul Hadi 2001: 386)

Dengarkan hai anak *ratu*
Ombak dan air asalnya *satu*
Seperti manikan *muhith* dan *batu*
Inilah *tamsil* engkau dan *ratu*

Dalam contoh (1) di atas, Hamzah menggunakan *jinas naqis* (sama dari segi huruf dan bilangannya kecuali pada salah satu huruf sahaja) seperti: sandangnya, tandangnya, kandangnya, pandangannya. Dalam contoh (2), Hamzah Fansuri (q.s) menggunakan *jinas naqis* seperti, *sa'im, qa'im, na'im, dan da'im*. Dalam contoh (3) pula, Hamzah Fansuri (q.s) menggunakan *jinas naqis* seperti, *ratu, satu, batu*.

Unsur Tawriyah dalam Syair Hamzah Fansuri (q.s)

Tawriyah ialah perkataan yang mempunyai dua makna, makna zahir (yang tidak dikehendaki oleh penulis) dan makna tersembunyi (yang dikehendaki oleh penulis) (Ali, al-Jarim & Mustafa Amin 1979:277). Dalam syair Hamzah Fansuri (q.s) sarat dengan unsur tawriyah ini, sebagai contoh:

Contoh (1), (Abdul Hadi 2001: 403)

Raja *Haqq* dengan adanya
Da'im bermain dengan hambanya
Ia itu raja yang raya
Bernama *wahid* yang kaya

Contoh (2), (Abdul Hadi 2001: 408)

Tuhan kita *mithal bahrul al-'amiq*
Ombaknya penuh pada sekalian *tariq*
Laut dan ombak keduanya *rafiq*
Akhir ke dalamnya ombaknya *ghariq*

Contoh (3), (Abdul Hadi 2001:409)

Jikalau sini kamu tahu akan *wujud*
Itulah tanda tempat kamu *syuhud*
Buangkan rupamu dari sekalian *quyud*
Supaya dapat kita ke dalam diri *qu'ud*

Maksud “raja” dalam contoh (1) ialah Allah (s.w.t) bukannya raja yang memerintah sesebuah negeri. Maksud “wahid” ialah Allah bukannya

satu. Maksud *Da'im* ialah Allah yang kekal abadi bukannya *yang sentiasa*. Dalam contoh (2), maksud *bahrul al-'amiq* ialah mempunyai ilmu yang dalam bukannya *laut yang dalam*. Maksud *ghariq* ialah tiada bukannya *tenggelam*. Dalam contoh (3) pula, maksud *quyud* ialah takbur bukannya ikatan, dan maksud *qu'ud* pula ialah sifat *tawaduk atau rendah diri* bukannya *duduk*.

Unsur *Saj'* (sajak) dalam Syair Hamzah Fansuri (q.s)

Saj' ialah kesesuaian rentak dan bunyi pada huruf akhir bagi dua ayat atau lebih, dan sebaik-baiknya berlaku pada dua *faqrah* (ayat atau ibarat) (Ali, al-Jarim & Mustafa Amin 1979:273). Kesesuaian ini berlaku sama ada pada rima akhir (rawi), atau rima dan meter (*wazn*), atau pada *wazn* sahaja (al-Imam al-Tibi 1996: 579). Dalam syair Hamzah, unsur *saj'* mengikut definisi Arab sangat banyak, antara contohnya seperti berikut:

Contoh (1), ((Abdul Hadi 2001:352)

Rumahnya bertukar-tukar
Jalannya berputar-putar
Manikam dimulut ular
Mendapat dia terlalu sukar

Contoh (2), (Abdul Hadi 2001:355)

Awwal dan akhir asmanya jarak
Lahir dan batin rupanya banyak

Contoh (3), (Abdul Hadi 2001:358)

Abu Bakar dan 'Umar empunya setia
'Uthman ibn 'Affan pun memakai dia

Unsur *saj'* (sajak) dalam ketiga-tiga contoh di atas jelas kelihatan di mana dalam contoh (1) perenggan pertama diakhiri dengan huruf "r", begitu juga dengan perenggan kedua. Dalam contoh (2) didapati perenggan pertama diakhiri dengan huruf "k", begitu juga dengan perenggan kedua. Dalam contoh (3), perenggan pertama diakhiri dengan huruf "a", dan perenggan kedua diakhiri dengan huruf "a" juga.

Unsur *Muwazanah* dalam Syair Hamzah Fansuri (q.s)

Muwazanah adalah sebahagian daripada ilmu *badi'* yang berlaku pada seni prosa dan puisi. Apabila wujudnya persamaan dan keseimbangan

antara dua pembahagi maka ia dikatakan *muwazanah*. Upamanya {ونمارق مصفوفة وزرابي مبثوثة}. Lafaz *wanamariqu* (/o/o/oo/o/o) sama dengan *wazarabiyu* (/o/o/oo/o/o), dan lafaz *masfufatun* (/o/o/o/o/o) sama dengan *mabthuthathun* (/o/o/o/o/o) dari segi bilangan huruf dan imbangannya (*wazn*) iaitu *فعال مفعولة – فعال مفعولة*. Konsep ini berlainan dengan maksud rima akhir puisi (*qafiyah*) yang dikira pada huruf akhir ('Abdul Aziz 'Atiq, t.t.: 657). Fenomena ini banyak terdapat dalam puisi Hamzah Fansuri (q.s), sebagai contoh:

Contoh (1), (Abdul Hadi 2001:382)

Cahayanya seperti suluh
 Bunyinya seperti guruh
 Matanya lengkap dengan tubuh
 Bulunya *da'im* sekalian luruh.

Contoh (2), (Abdul Hadi 2001:395)

Ma'lum dan *'Ilm* di dalam *'Alim*
 Ketiganya *Wahid* di laut *lazim*
 Lagi la *Hikmah* lagi la *Hakim*
 Lagi la *Maqsum* lagi la *Qasim*

Contoh (3), (Abdul Hadi 2001:395)

Sungguhpun *'Alim* sekalian *wasil*
 Dengan rupa insan terlalu *kamil*
 Jika sungguh kau *'Arif* lagi *'Aqil*
 Pandang dirimu jangan kau *ghafil*

Dalam contoh (1) di atas, didapati wujudnya unsur *muwazanah* di antara perkataan *suluh*, *guruh*, *tubuh*, dan *luruh*. Dalam contoh (2) pula, *wuwazanah* berlaku antara perkataan *'Alim*, *lazim*, *Hakim*, dan *Qasim*. Begitu juga berlaku *muwazanah* antara perkataan *wasil kamil*, *'Aqil*, dan *ghafil*.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian singkat sejarah dalam artikel ini, penulis yakin bahawa walaupun Hamzah Fansuri (q.s) boleh dianggap sebagai penyair agung di Nusantara ini, tetapi dirasakan bahawa kemunculan karya-karya Hamzah Fansuri (q.s) banyak dibantu oleh tokoh-tokoh yang hadir

sebelumnya sama ada secara langsung atau tidak. Adalah sangat sukar bagi penulis untuk mengatakan bahawa Hamzah Fansuri (q.s) merupakan pelopor dan pencipta atau orang yang pertama memulakan penulisan puisi tasawuf di Nusantara ini. Apa yang boleh penulis katakan adalah Hamzah Fansuri (q.s) merupakan seorang yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan syair tasawuf di Nusantara ini. Beliau juga merupakan salah seorang yang bertanggungjawab terhadap perkembangan syair tasawuf di rantau ini, dan penyambung kepada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh penyair-penyair Melayu sebelumnya.

Pandangan ini adalah berasaskan sejarah kedatangan Islam yang agak lama di Nusantara dan tersebarnya fahaman dan falsafah Islam sebelum kedatangan Hamzah Fansuri (q.s) beberapa abad lamanya. Selain daripada faktor sejarah, kajian teks syair Hamzah dari segi pengaruh ilmu *badi'* Arab seperti, *iqtibas*, *tibaq*, *jinas*, *tawriyah*, *saj'*, *muqabalah*, dan *muwazanah*, dan wujudnya perkataan Arab dan istilah falsafah dan keagamaan, serta unsur pembentukan syair Arab yang meliputi sistem meter (*wazn*) dan rima (*qafiyah*) menyakinkan penulis bahawa Hamzah Fansuri (q.s) adalah penyambung usaha dan pelengkap bagi penyair-penyair yang datang sebelumnya.

RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim.

Abdul Hadi, W.M. 2001. *Tasawuf yang tertindas*. Jakarta: Paramadina.

'Abdul Hamid Sayyid Tilib. 1976. *Tarikh al-Nahw al-'Arabi*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syabab.

al-Asmar, Raji. 1998. *al-Balaghah al-'Arabiyyah al-Wadiah*. Beirut: Maktabah al-Thaqafah.

al-Imam al-Tibi. 1996. *Al-Tibyan fi al-bayan*. Sunt. 'Abdul Sattar Husayn Zammut. Beirut: Dar al-Ma'arif.

al-Jarim, 'Ali & Mustafa Amin. 1979. *al-Balaghah al-Wadiah*. Lubnan, Beirut: Dar al-Ma'arif.

'Atiq, 'Abdul 'Aziz. t.t. *Ilm al-Ma'ani - al-Bayan - al-Badi'*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

Ibrahim Anis, Muntasar, Abdul Halim, Al-sawahi & 'Tiyyah., KhalafuLlah, Muhammad. 1987. *al-Mu'jam al-Wasit*. Cet ke-2. Beirut: Dar al-'Amwaj.

Braginsky, V.I. 1994. *Nada-nada Islam dalam sastera Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chew Hock Tong. 1987. Asal usul syair Melayu dengan Hamzah Fansuri. Dlm. Muhamad Daud Mohamad (Pnyt.). *Tokoh-tokoh sastera Melayu klasik*, hlm. 35-44. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hooykaas, C. 1952. *Malay and Indonesian literature*. Jakarta: J.B. Wolters.
- Liaw Yock Fang. 1978. *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik*. Singapura: Pustaka National Singapura.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1994. Beberapa idea tasawuf dalam syair Hamzah Fansuri (q.s) (Melayu) dan Ibrahim Hakki Erzurumli (Turki Uthmani). Dlm. Muhamaad Bukhari Lubis (pnyt.). *Persuratan Islam*, hlm. 101-126. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Saleh. 1987. *Cendekia kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. 1969. *Preliminary statement on the general theory of the Islamization of the Malay-Indonesia archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. 1970. *The mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Voorhoeve, P. 1968. The origin of the Malay syair. *BKI* 124: 277-8.
- Winstedt, R.O. 1969. *A history of classical Malay literature*. London: Oxford University Press, Ely House.

Ab. Halim Mohamad, Ph.D.
Pensyarah kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: abhalim@fbmk.upm.edu.my
Tel: 03-89468665, H/P 012-6369447

